

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu sekolah-sekolah tafhib dan agama akibat pandemik.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu kelangsungan pengoperasian institusi pendidikan di negara ini termasuk institusi tafhib swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Antaranya dengan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membolehkan institusi berkenaan terus dapat beroperasi dalam norma baharu. Sebelum itu, ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini bahawa berdasarkan maklumat yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, hakikatnya penutupan institusi tafhib swasta berdaftar adalah hanya bersifat sementara bagi mematuhi arahan Kerajaan supaya rantaian jangkitan wabak Covid-19 dapat diputuskan. Namun begitu,

tidak dinafikan terdapat institusi yang tidak berdaftar yang berhadapan dengan kemerosotan sumber kewangan impak pandemik ini.

2. Pada tahun 2020, sebanyak RM100,000,000.00 turut diperuntukkan bagi tujuan yang sama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM18,596,520.00 telah diperuntukkan di bawah Bantuan Khas Impak Pandemik Covid-19 secara one-off merangkumi bantuan sara hidup berjumlah RM800.00 seorang kepada guru-guru warganegara di institusi pendidikan Islam berdaftar termasuk guru di institusi tafhib dan bantuan pengurusan operasi dengan peruntukan RM10.00 per murid warganegara bagi tujuan pengurusan institusi berkenaan. Peruntukan pada tahun 2020 telah memberi manfaat kepada 1,667 buah tafhib dengan peruntukan sebanyak RM39,963,810.00 dan 339 buah pondok dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,014,030.00.

3. Pada tahun 2021, Kerajaan sekali lagi menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000,000.00 secara *one-off* bagi tujuan selenggara dan naik taraf Institusi Pendidikan Islam di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelaras Pengetahuan dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) merangkumi Sekolah Agama, institusi tafhib dan pondok. Sehingga Ogos 2021, sebanyak RM60,000,000.00 telah disalurkan kepada 1,066 buah institusi yang layak dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM22,257,100.00 telah disalurkan kepada 413 buah institusi tafhib di negeri-negeri seluruh negara. Kerajaan amat prihatin untuk membantu pengurusan dan pengoperasian institusi tafhib yang terjejas. Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah bersetuju untuk mengagihkan sebahagian daripada baki RM40,000,000.00 yang telah diterima oleh JAKIM pada 4 Oktober 2021.

4. Bagi bantuan jangka panjang, Kerajaan turut merancang untuk memberi kemahiran Tahfiz Tvet kepada pengusaha dan murid tafhib bagi membolehkan mereka menjana pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan dan sumbangan kerajaan serta masyarakat, dalam memastikan institusi tafhib di bawah kelolaan mereka terus dapat beroperasi. Sekian, terima kasih.